

Headline **Belia antarabangsa**
 Date **28. Apr 2009**
 Media Title **Kosmo**
 Section **Kosmo 2**
 Circulation **120000**
 Readership **234000**

Language **MALAY**
 Page No **30**
 Article Size **820 cm2**
 Frequency **Daily**
 Color **One Spot Color**
 AdValue



Belia antarabangsa



LAMAN web World Youth Foundation ini menyediakan maklumat mengenai program-program belia yang dianjurkan di pelbagai negara.

Mendekati remaja dengan medium perantara terkini, laman web WYF memberikan pelbagai info terkini mengenai program remaja antarabangsa.

Oleh ADHAM SHADAN

LAMAN World Youth Foundation (WYF) atau Yayasan Belia Dunia ini menyediakan maklumat atau aktiviti yang dilakukan belia di peringkat global.

WYF adalah satu organisasi antarabangsa bukan kerajaan yang menyasarkan untuk menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan dokumentasi program-program belia yang bermanfaat untuk remaja sejagat.

WYF dilancarkan pada tahun 1994. Mungkin tidak ramai yang tahu bahawa ibu pejabatnya terletak di Kompleks WYF di Leboh Ayer Keroh, Melaka.

Berganding rapat dengan program-program Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), yayasan itu telah menganjurkan bermacam-macam seminar, mesyuarat, dialog dan persidangan untuk remaja berhubung isu populasi, hak hak asasi, pendidikan, alam sekitar, keusahawanan, globalisasi, kebudayaan dan banyak lagi.

Melihat persensahan laman webnya, beberapa laman pautan berkaitan seperti persidangan dunia, populasi, HIV/AIDS, belia, kanak-kanak dan wanita diletakkan di bahagian atas laman.

Di ruang *events*, pengunjung boleh mengetahui mengenai program-program berhubung belia antarabangsa semasa yang akan dianjurkan.

Antara yang tercatat bakal berlangsung pada Mei dan Jun ini adalah Forum Belia Kreatif Sedunia (WCYF) 2009 di Baliuag, Filipina, EVS-24: Towards Zero EMISSION di Stavanger, Norway dan Global Youth Forum di Ulaanbaatar, Mongolia. Turut disediakan di ruangan aktiviti pula ialah laman-laman web berkaitan dengan program-program berkenaan.

Selain daripada program, maklumat mengenai projek-projek yang telah dilaksanakan WYF boleh didapati di ruangan *projects*. Ruangan itu menyenaraikan projek dari tahun 2001 sehingga sekarang.

Terdapat juga satu segmen untuk pelayar web mengenali lebih lanjut tentang kompleks WYF. Ia lengkap dengan gambar-gambar untuk ditonton.

WYF menjalin hubungan baik dengan badan-badan terutamanya agensi-agensi PBB, World Association of National Youth Organization (WANYO), Taking IT Global, Kanada, Clean Up the World Australia, Sekretariat ASEAN dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Pada Februari 2007, yayasan itu menerima status *Civil Society* daripada Program Alam Sekitar PBB (UNEP) sebagai pengiktirafan atas sumbangannya meningkatkan kesedaran warga muda tentang isu berkenaan alam sekitar.